

BAB 11

KERJA TIDAK SIAP

BAB 11- KERJA TIDAK SIAP

11.1 Pendahuluan

11.1.1 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh Kontraktor.

11.1.2 Kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akan diperolehi semula daripada Kontraktor melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Untuk maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan.

11.2 Pertimbangan Yang Harus Diambil Kira Semasa Menentukan Sama ada Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Akan Dikenakan

11.2.1 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan ada sebab-sebab kelambatan yang melayakkan Kontraktor mendapat lanjutan masa di bawah kontrak, maka tindakan seterusnya ialah untuk menimbangkan lanjutan masa. Satu Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa hendaklah disediakan untuk kelulusan .

11.2.2 Apabila penyiapan Kerja didapati telah terlambat dan kontraktor tidak layak untuk mendapat lanjutan masa serta tidak menunjukkan kemampuan untuk meneruskan Kerja sehingga siap, maka tindakan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah diambil (rujuk Bab 12 - Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor). Walau bagaimanapun, sekiranya Kontraktor tidak layak untuk mendapat lanjutan masa tetapi menunjukkan kemampuan untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja dalam masa yang munasabah, maka Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Pertimbangan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap mestilah diberi dengan mengambil kira kesulitan pentadbiran dan kesan sosial dan politik, berbanding dengan apakah yang akan menjadi kepentingan terbaik Kerajaan. Di dalam keadaan ini, usaha mestilah diambil untuk memastikan Kerja dapat disiapkan dalam masa yang munasabah.

11.2.3 Pertimbangan utama dalam menentukan sama ada penamatan patut dikenakan ataupun tidak ialah keupayaan Kontraktor untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja setelah beliau dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Ini sudah tentu sukar untuk ditentukan dengan tepat dan banyak bergantung kepada satu penilaian objektif ke atas keadaan semasa, perhitungan dan budi bicara. Kontraktor perlu membuktikan keupayaan untuk menyiapkan Kerja ini dengan mengemukakan maklumat kewangan, senarai pekerja, senarai loji dan peralatan serta program kerja yang terperinci. Perbincangan secara jujur dan terbuka dengan Kontraktor juga akan membantu P.P. membuat pertimbangan ke atas keupayaan sebenar kontraktor.

11.3 Notis Untuk Mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap

11.3.1 Sebarang kelambatan boleh dikesan apabila kemajuan Kerja pembinaan dipantau dengan rapi. P.P. hendaklah mengeluarkan surat amaran kepada Kontraktor apabila projek telah/dijangka akan lewat.

11.3.2 Sekiranya pada pandangan P.P. Kontraktor tidak dapat menyiapkan Kerja dan sebelum Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dikenakan, Kontraktor hendaklah diberi notis untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap¹. Notis ini bertujuan untuk memberi peluang kepada Kontraktor untuk mengemukakan alasan mengenai kelambatan tersebut untuk pertimbangan Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk bertindak bagi pihak Kerajaan. Bagi maksud memberi notis kepada Kontraktor, surat piawai seperti di dalam Lampiran 11A hendaklah digunakan.

11.3.3 Sekiranya P.P. berpendapat bahawa tiada asas atau alasan wajar bagi kelambatan dan lanjutan masa diberikan, maka tindakan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah diambil.

11.3.4 Meskipun demikian, P.P. hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Sekiranya Perakuan Kerja Tidak Siap lewat dikeluarkan, maka masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak tersebut dan dengan itu kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*). Sehubungan itu, hak Kerajaan untuk mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan akan terjejas.

¹ Klausula 66.2, Syarat-Syarat Kontrak P.W.D FORM 203/203A (Rev.2007)

11.4 Penyediaan dan Penyerahan Perakuan Kerja Tidak Siap

11.4.1 Bagi maksud mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, satu Perakuan Kerja Tidak Siap, Borang 203X - Pin. 2/2008² (rujuk Lampiran 11B) hendaklah dikeluarkan.

11.4.2 Bagi mengelak kelambatan dalam meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap, beberapa peraturan asas seperti berikut mesti dipatuhi di dalam penyediaannya:

- (a) Semua butiran di dalam Perakuan hendaklah diisi dengan betul. Butiran mengenai Kontrak dan Kontraktor yang diisi ke dalam Perakuan hendaklah sama dengan yang terdapat di dalam Dokumen Kontrak. Ruangan yang disediakan untuk diisi di dalam Perakuan tidak boleh dibiarkan kosong. Tarikh Perakuan hendaklah tarikh bila Perakuan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.
- (b) Tempoh perlindungan bagi polisi insurans dan juga tempoh jaminan Bon Pelaksanaan mestilah dilanjutkan sekurang-kurangnya ke tarikh jangkaan kerja siap. Sekiranya Kerajaan melanjutkan polisi insurans tersebut, kos sebenar yang terlibat hendaklah dikenakan kepada Kontraktor termasuk dan ditambah kos dalam bentuk caj ke atas kos yang terlibat (*on-cost charges*) dengan kadar sebanyak 5% sebagai kos pentadbiran Kerajaan yang terlibat.³

11.4.3 Apabila mengemukakan Perakuan Kerja Tidak Siap untuk kelulusan, butiran mengenai Kontrak dan maklumat-maklumat lain mesti disediakan di dalam borang piawai (Lampiran 11C). Sebagai tambahan, maklumat berikut mestilah juga disertakan:

- (a) Kenyataan oleh pegawai pengesyor sama ada beliau telah mengkaji keadaan bagi kes tersebut dengan mendalam dan telah menilai keupayaan Kontraktor untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja walaupun Ganti Rugi Tertentu dikenakan kepada Kontraktor.
- (b) Huraian mengenai kemajuan Kerja yang telah dicapai oleh Kontraktor dan baki Kerja yang akan dilaksanakan dan perancangan bila dan bagaimana baki kerja tersebut boleh disiapkan.

² Surat Pekeliling KPKR Bil. 9/1977 bertarikh 2.9.77.

³ Surat Kementerian Kewangan ruj. (K&B) (8.09) 735/10/1 jld.3 (44) bertarikh 5.4.1989, dan Klausa 15.3, 17.3 dan 18.2 dan Appendix To Condition of Contract, Syarat-Syarat Kontrak JKR 203/203A (Rev.2007)

- (c) Maklumat sama ada Kerajaan bertanggungjawab terhadap sebarang kelambatan dan sekiranya ada, sama ada satu lanjutan masa yang munasabah telah diberikan dan sama ada dijangka terdapat sebarang sebab kelambatan yang mana Kerajaan mungkin bertanggungjawab.

11.5 Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap.

- 11.5.1 Pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap⁴ adalah sepertimana di Bab 9 - Lampiran 9D .

11.6 Pengedaran Perakuan Kerja Tidak Siap.

Setelah Perakuan Kerja Tidak Siap diluluskan, salinan asalnya (tanpa Lampiran 11C) mesti dihantar kepada Kontraktor. Satu salinan juga mesti diedarkan kepada pihak-pihak yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut.

11.7 Keperluan Memantau Kemajuan Kerja Dengan Lebih Rapi Setelah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Dikenakan

- 11.7.1 Pemantauan rapi ke atas kemajuan Kerja Kontraktor adalah menjadi lebih penting apabila Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan telah dikenakan.
- 11.7.2 Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan ini mesti tidak dibenarkan terkumpul bagi satu tempoh masa yang lama sehingga ia menjadi satu bebanan kepada semua pihak. Jika sekiranya prestasi Kontraktor menunjukkan yang dia tidak mungkin dapat menyiapkan kerjanya, tindakan serta merta mesti diambil untuk penamatan kerja.

11.8 Pengecualian Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan Kepada Kontraktor Bumiputera⁵

- 11.8.1 Kementerian Kewangan telah memutuskan bahawa pengecualian bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan diberi bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan

⁴ Surat Edaran KPKR Bil(24) dlm. JKR. KPKR:020.050/03 Klt.7 bertarikh 4.10.2006

⁵ Surat Pekeliling Perbendaraan Bil. 8/95

selepas tempoh kontrak. Kontraktor perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pengecualian Bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan ini.

11.8.2 Syarat-syarat pemberian Pengecualian Bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan:

- (a) Pengecualian bayaran Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan diberi kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera mengikut merit masing-masing dan tidak secara automatik.
- (b) Jumlah pengecualian bayaran ganti rugi ini diberikan mengikut pertimbangan dan budi bicara Jabatan tetapi tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan.
- (c) Jumlah pengecualian bayaran ganti rugi ini dikira semasa penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.
- (d) Pada masa pengiraan dibuat Kontraktor hendaklah masih bertaraf Bumiputera. Jabatan hendaklah menyemak dengan Pusat Khidmat Kontraktor untuk mengesahkan taraf tersebut.
- (e) Pengecualian bayaran ini tidak meliputi perkara-perkara yang dibenarkan di dalam Syarat-syarat Am Kontrak.
- (f) Pengecualian bayaran ini tidak termasuk kontrak-kontrak pembinaan rumah-rumah kediaman/kedai untuk dijual kepada orang ramai.

11.8.3 Bagi melaksanakan peraturan tersebut, prosedur berikut hendaklah dipatuhi:

- (a) Pengecualian bayaran ganti rugi ini hanyalah dipertimbangkan dan diluluskan oleh P.P. setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Ini bermakna kontraktor yang gagal menyiapkan kerjanya di mana seperti pengambilan Kerja Kontraktor ditamatkan, tidak layak mendapat pengecualian ini.

- (b) Setiap permohonan yang diterima daripada Kontraktor untuk mendapatkan pengecualian bayaran ganti rugi hendaklah dengan segera dirujuk kepada Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya untuk mendapatkan ulasannya. Keputusan muktamad sama ada Kontraktor layak mendapat pengecualian bayaran ganti rugi hendaklah dibuat oleh P.P. mengikut format seperti di Lampiran 11D.
- (c) Sebaik sahaja Perakuan Pengecualian Bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dikeluarkan, jumlah bayaran yang dikecualikan itu bolehlah dibayar balik kepada Kontraktor. Walau bagaimanapun bayaran balik itu boleh dibuat semasa Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.
- (d) Pengecualian dan pembayaran balik ganti rugi hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

11.8.4 Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan adalah merupakan hasil kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan pengecualian daripada Kontraktor sedang dalam pertimbangan, jumlah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Amanah. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan hanya boleh dikreditkan ke Akaun Hasil setelah Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad selesai untuk mengelakkan proses bayar balik tersebut mengambil masa yang lama.⁶

11.8.5 Jika Kontraktor berhasrat untuk memohon pelepasan bagi baki Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang tidak diluluskan, Kontraktor hendaklah memohon terus kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan selanjutnya.

⁶ Surat Bil (7) dlm KKR/BA/08/08/3/1 bertarikh 1.9.2004

**CONTOH NOTIS UNTUK MENGENAKAN
GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN**

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....

(Kontraktor)

Tuan,

Kontrak No.

Kontrak untuk

.....

NOTIS UNTUK MENGENAKAN GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN

Dukacita diperhatikan bahawa Kerja tuan dijangka tidak dapat disiapkan pada Tarikh Siap Kerja yang telah ditentukan pada

2. Tuan adalah diingatkan bahawa menurut Fasal 40 Syarat-syarat Kontrak, saya bercadang untuk mengeluarkan 'Perakuan Kerja Tidak Siap' terhadap tuan dan tuan akan dikehendaki membayar wang atau membenarkan Kerajaan menolak daripada mana-mana wang yang kena dibayar atau yang akan kena dibayar kepada tuan di bawah Kontrak ini atau Kontrak-kontrak lain di antara Tuan dan Kerajaan sejumlah wang yang dikira atas kadar yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak, iaitu RM..... setiap sebagai bayaran Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan sepanjang tempoh Kerja di atas tidak disiapkan sepenuhnya.

3. Sekiranya tuan ingin memberi sebab-sebab dan alasan-alasan ke atas kelewatan Kontrak ini supaya 'Perakuan Kerja Tidak Siap' tidak dikeluarkan terhadap tuan, sila kemukakan keterangan-keterangan tersebut kepada Pegawai Penguasa secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini.

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA
PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP
(CERTIFICATE OF NON-COMPLETION)

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....

(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No.

Kontrak untuk

.....

Bahagian*
Section*

Dengan ini adalah diperakui bahawa tuan telah gagal menyiapkan Kerja / Sebahagian
It is hereby certified that you have failed to complete the Works / Section of the
daripada Kerja* yang tersebut di atas pada "Tarikh Siap" yang dinyatakan dalam Lampiran
Works as mentioned above by the "Date for Completion" stated in the Appendix*
kepada Syarat-Syarat Kontrak ataupun dalam tempoh lanjutan masa yang telah dibenarkan
to the Conditions of Contract or within any extended time approved under
di bawah Klausa 43 Syarat-Syarat Kontrak, iaitu pada dan mengikut
Clause 43 of the Conditions of Contract, i. e. on *and in*
pendapat saya Kerja / Sebahagian daripada Kerja* tersebut itu sepatutnya telah disiapkan pada
my opinion the said Works / Section of the Works ought to have been completed.*
tarikh ini.

2. Menurut Klausula 40 Syarat-Syarat Kontrak, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa
In accordance with Clause 40 of the Conditions of Contract, you are

tuan kenalah membayar atau membenarkan kepada Kerajaan sejumlah wang yang dikira
hereby informed that you are liable to pay or allow to the Government a sum
 atas kadar yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak,
calculated at the rate stated in the Appendix to the Conditions of Contract,

iaitu RM..... setiap sebagai Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan
i.e. RM per as Liquidated and Ascertained Damages

banyaknya sepanjang tempoh yang Kerja / Sebahagian daripada Kerja* tersebut itu tidak
for the period during which the said Works / Section of the Works shall so*

disiapkan sepenuhnya dan saya akan memperakukan supaya potongan sewajarnya dibuat dari
remain and have remain incomplete and I shall certify for deduction such damages from any

apa-apa wang yang kena dibayar atau yang akan kena dibayar kepada tuan di bawah Kontrak
money due or which may become due to you under this Contract.

ini.

.....
 Pegawai Penguasa
(Superintending Officer)

Nama Penuh.....
Name in full

Nama Jawatan.....
Designation

.....
 Tandatangan Pegawai yang diwakilkan
 bertindak untuk dan bagi pihak Kerajaan
Signature of Officer authorised to act for
and on behalf of Government

* Potong jika tidak berkenaan.
Delete if not applicable.

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
KUALA LUMPUR
(U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat
Kewangan
(yang menjamin pelaksanaan kontrak)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
JKR. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

CONTOH
RINGKASAN KE ATAS KONTRAK YANG AKAN DI BERI
"PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP"

1. No. Kontrak:
2. Nama Kontrak:
3. Nama Kontraktor:
4. Harga Kontrak Asal:
5. Harga Kontrak Semasa:
6. Tarikh Surat Setujuterima Dikeluarkan:
7. Tarikh Milik Tapak:
8. Tempoh Siap Kerja:
9. Tarikh Siap Asal:
10. Tarikh Dilanjutkan Kepada:

No. Lanjutan Masa

Sebab-Sebab

Klausa

Tempoh

- i)
 - ii)
11. Surat Amaran kepada Kontraktor :
 - i)
 - ii)
12. Surat Amaran untuk mengeluarkan 'Perakuan Kerja Tidak Siap' dikeluarkan :
 - i)
 - ii)
13. Sebab-sebab yang diberi oleh Kontraktor ke atas Kelambatan :
 - i)
 - ii)

14. Ulasan-ulasan dari P.P./Wakil P.P. :

- i)
- ii)

15. Kerja-kerja binaan lain yang sedang diselenggarakan oleh Kontraktor dan Kemajuannnya :

- i)
- ii)

16. Pengesyoran oleh P.P./Wakil P.P. :

.....

17. Analisa untuk 'Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan' :

.....

18. Huraian kemajuan kerja yang dicapai dan baki kerja :

.....

19. Butiran bayaran interim :

.....

KERAJAAN.....

JABATAN KERJA RAYA

**PERAKUAN PENGECUALIAN BAYARAN GANTIRUGI TERTENTU DAN
DITETAPKAN MENGIKUT S.P.P BIL 8/95**

Ruj:.....

Pejabat:

.....

Tarikh:

Kepada:

.....

.....

.....

(Kontraktor)

Kontrak No:.....

Kontrak Untuk:.....

Bahagian *:.....

Dengan ini adalah diperakui bahawa tuan adalah dikecualikan daripada dikenakan bayaran Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan selama.....hari atas kadar yang dinyatakan dalam lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak, sebanyak RM.....sehari. Pengecualian ini adalah diberi berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/95.

2. Maka denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan yang dikenakan terhadap tuan akan dikurangkan sebanyak RM..... dan jumlah ini akan dibayar balik kepada tuan.

.....

Pegawai Penguasa

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan:.....

** Potong jika tidak ada penyiapan berbahagian-bahagian.*